

PM minta rakyat ambil serius syor kurangkan ambil gula

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim nahu semua pihak mengambil serius saranan beliau untuk mengurangkan pengambilan gula, memandang negara berhadapan dengan isu penghidap diabetes yang sangat tinggi.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia juga antara negara yang memiliki rakyat menghidap diabetes pada jumlah yang amat tinggi.

“Di peringkat negeri dulu Kedah, kemudian Kedah sebelum Negeri Sembilan pula ambil alih kes tertinggi), janganlah kita berlumba-lumba untuk penyakit ini, langkah ini (kurangkan gula) :ara munasabah nak elak keteranjuran kita dan saya harap benla ini dianggap serius.

“...bukan hanya (tindakan kerajaan) melalui langkah menaikkan kadar duti eksais bagi minuman bergula secara berfasa mulai Januari depan sebanyak 40 sen seliter,” katanya ketika membentangkan bacaan kali kedua yang Undang-Undang Perbekalan 2025 di Dewan Negara, semalam.

Justeru, Anwar mencadangkan supaya premis makanan di dalam bangunan Parlimen melururkan sehingga 50 peratus kandungan gula dalam minuman yang dihidangkan.

“Saya cadangkan kantin di Parlimen ini kita ikut seperti apa dah dilakukan Jabatan Perdana Menteri iaitu turunkan 50 peratus kandungan gula, ini wajar kerana ahli-ahli yang berhormat harus menjadi contoh baik,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan Dewan Rakyat melancarkan inisiatif Hari Tanpa Gula pada setiap Rabu, bermula pertengahan Oktober lalu, memabitkan kakitangan Parlimen serta merangkumi semua Ahli Parlimen bertujuan menyemai budaya gaya hidup sihat.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan akan terus mengimbangi usaha mengukuhkan kedudukan kewangan supaya lebih mampan dan pada masa sama memastikan dasar fiskal tetap menyokong momentum pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, pada tahun hadapan, agenda pembaharuan akan dilaksanakan dengan lebih hebat dan diyakini bahawa ekonomi negara akan berkembang kukuh antara 1.5 hingga 5.5 peratus.

“(Ia) didukung langkah Belanawan MADANI Ketiga yang akan menyusul setiap penanda aras Ekonomi MADANI dengan tiga umpuan iaitu membugar ekonomi, menjana perubahan dan menicjahtera rakyat,” katanya.